

Jawatan Sepanjang Masa

Agensi	: Ma'had Tahfiz Tun Abdul-Rahman Ya'kub (MATTARY)
Nombor Rujukan	: MATTARY/01C/2024
Tarikh Iklan Dibuka	: 25 Mac 2024
Tarikh Iklan Ditutup	: 31 Disember 2024
Jawatan	: Eksekutif C (Guru Hafazan)
Taraf Jawatan	: Tetap
Kekosongan	: 3
Stesen	: Kuching
Jadual Gaji	: Gaji Minimum: RM2,960.10 Gaji Maksimum: RM8,956.08

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/ Tahfiz Al-Quran dan Qiraat yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Pokok Permulaan: RM2,960.10) **ATAU**
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam/ Pendidikan Islam/ Pengajian Bahasa Arab yang diiktiraf oleh Kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **SERTA** memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran/ Sijil Hafaz 30 Juzuk Al-Quran dari Institusi Tahfiz yang diiktiraf oleh Majlis Islam Sarawak; (Gaji Pokok Permulaan: RM2,960.10).
- (b) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan adalah satu kelebihan.
- (d) Mempunyai pengalaman mengajar Al-Quran sekurang-kurangnya enam (6) bulan adalah satu kelebihan.
- (e) Mempunyai sahsiah yang baik, sihat tubuh badan dan memiliki kesejahteraan fizikal.

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS). Curriculum Vitae (CV)** yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja berserta **salinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 31 Disember 2024 (Selasa)** kepada:

**SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.